

09 JUL 2002

TIADA PERTANDINGAN, AMALAN UMNO APABILA ADA PILIHAN RAYA

SEREMBAN, 9 Julai (Bernama) -- Umno kini sememangnya mengamalkan dasar tidak mengadakan pemilihan parti di saat menghadapi pilihan raya umum bagi memberi tumpuan kepada usaha memenangi pilihan raya, kata Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata perkara itu telah pun telah dilaksanakan sebelum ini selepas perlembagaan Umno dipinda beberapa tahun yang lalu yang mengizinkan parti menangguhkan mesyuarat 18 bulan daripada tarikh ia sepatutnya diadakan.

"Jadi apa yang dibuat oleh Presiden (Umno) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menangguhkan pemilihan parti, (merupakan) suatu yang biasa kita lakukan dan suatu yang baik kerana penumpuan kita ialah kepada menghadapi pilihan raya dan yang lebih penting tidak ada perpecahan.

"Bila ada pertandingan di semua peringkat, sedikit sebanyak ada perpecahan yang tidak boleh kita elakkan dan dengan ini akan meninggalkan kesan kepada penumpuan kita ketika menghadapi pilihan raya," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis persidangan Jemaah Pengampunan Negeri di Istana Hinggap di sini hari ini.

Menteri Besar itu berkata dengan penangguhan itu diharapkan tidak akan ada perpecahan dan semua penyandang jawatan akan terus menjalankan tanggungjawab untuk memastikan parti mencapai kejayaan cemerlang.

Pemilihan Umno pernah ditangguhkan menjelang pilihan raya umum 1999 kepada tahun 2000 untuk memberi peluang kepada para anggota menumpukan perhatian dan melakukan persediaan bagi pilihan raya pada November tahun itu.

-- BERNAMA
RP RON